

28(B). DASAR MENGENAI BANGUNAN-BANGUNAN YANG TELAH DIDIRIKAN TANPA KEBENARAN DARIPADA MAJLIS PADA ATAU SEBELUM 24.11.83

1. Semua bangunan yang telah dibina tanpa kebenaran Majlis pada atau sebelum 24.11.83 akan dibenarkan untuk dikekalkan dengan syarat bahawa :-
 - (a) Pelan bangunan dikemukakan dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan kehendak ini oleh Majlis;
 - (b) Bayaran pelan penalti dan bayaran kompaun yang dikenakan itu dibayar dalam tempoh yang ditetapkan atau dalam suatu tempoh yang boleh dilanjutkan oleh Majlis; dan
 - (c) Pelan-pelan dikembalikan kepada Majlis untuk pertimbangan selepas ianya dipulangkan kepada Arkitek-arkitek untuk pindaan.
2. Bayaran kompaun akan dikira dengan "formula" seperti berikut :-
 - (i) 5% dari kos tanah akan ditetapkan oleh Pengarah Penilaian (jika ada);
 - campur* (ii) Sumbangan kewangan untuk menggantikan peruntukan tempat meletak kenderaan (jika ada);
 - campur* (iii) 10% daripada
 - (a) Amaun bayaran tegahan berkenaan (jika ada);
 - campur* (b) Kos nominal bagi merobohkan (jika ada);
 - campur* (c) Amaun bayaran-bayaran lain ditetapkan untuk dibayar dalam pelan (jika ada) kecuali kos tanah.
 - campur* (iv) Amaun bayaran-bayaran pelan penalti yang perlu (jika belum dijelaskan).
3. Bayaran kompaun tidak akan dikenakan mengenai rumah-rumah sementara atau separuh tetap dengan keluasan lantai yang berukuran 1,000 kaki persegi atau kurang.
4. Bagi bangunan-bangunan/binaan-binaan tanpa kebenaran, bekalan elektrik dan air akan diperakukan oleh Majlis dan Tenaga Nasional Berhad serta PBA akan diberitahu dengan sewajarnya.
5. Pemunya-pemunya rumah-rumah tanpa izin akan dijemput ke suatu majlis dialog dengan Jawatankuasa Penasihat Bangunan dan Perancangan supaya akibat-akibat kerana tidak mengemukakan pelan-pelan bangunan dapat diterangkan kepada mereka. Pemunya-pemunya binaan atau pindaan/tambahan tanpa izin akan diberitahu tentang akibat-akibatnya melalui surat.
6. Dalam kes di mana pemunya bangunan/binaan gagal mengemukakan pelan bangunan tanpa izin dalam masa 3 bulan dari tarikh pemberitahu oleh Majlis atau jika beliau gagal kembalikan pelan dalam tempoh yang akan ditetapkan oleh Majlis atau jika beliau gagal membayar pelan penalti/bayaran kompaun yang akan dikenakan atau pelan itu telah ditolak oleh Majlis tindakan sepertimana dianggap perlu oleh Majlis akan diambil terhadap bangunan/binaan tanpa izin yang mana termasuk tindakan Mahkamah atau tindakan terus meroboh.

(Diluluskan pada 17.7.87)